

# CAHSA

## GAGASAN PEMIKIRAN SENIBINA MELAYU MODEN

Forum pertama ini akan membentangkan perbincangan dan persoalan tentang apakah terdapatnya Warisan Senibina Melayu Moden? Apakah gagasan pemikirannya dan siapakah pendokong-pendokong utama? Apakah karektor dan prinsip senibina pemikiran ini? Jika identiti Warisan Senibina Melayu terletak pada tipologi bangunan seperti Rumah Melayu Tradisional, Istana Melayu Tradisional, Masjid Tradisional, maka apakah tipologi moden yang boleh diungkapkan sebagai mempunyai semangat 'Melayu Moden'? Jika Warisan Senibina Melayu Tradisional bertunjangkan konsep dan kosmologi kerajaan Melayu lama dan berbudaya Islam maka apakah konsep Senibina Melayu Moden dari asas kosmologi atau 'world viewnya'? Adakah kuasa politik dan gagasan pemikiran UMNO sebagai parti perjuangan Melayu boleh digunakan sebagai teras ideologi kaum dan bangsa? Kalau iya, kepimpinan UMNO Tun Onn Jaafar atau Tun Dr. Mahathir? Apakah gagasan Melayu Dr. Burhanuddin Helmi masih berupaya dikumandangkan sebagai ideologi Bangsa Melayu yang tidak disempitkan dengan sikap ethno-centric negarawan-negarawan asal? Bagaimanakah prinsip dan nilai demokrasi serta kepelbagaian kaum dijadikan sebahagian dari rangka rujukan pemikiran baru ini? Adakah Hijjas Kasturi, tokoh utama narratif Akitek Melayu berjaya boleh dijadikan ukuran pendasar senibina Melayu moden? Jika bangunan-bangunan tradisional istana, rumah dan masjid dijadikan pengukur utama dari aspek pengguna Melayu, maka apakah senibina pentadbiran pelbagai kementerian di Putrajaya, masjid-masjid negeri dan rumah-rumah banglo orang Melayu pelbagai kelas ekonomi menjadi ukuran baru? Masjid Negara dan Bangunan Parlimen diangkat sebagai Warisan Kebangsaan. Adakah kedua-duanya asas pemikiran Senibina Melayu Moden? Kesemua isu-isu ini akan dirungkai sebagai tapak semaihan pemikiran atau sebagai gerbang kepelbagaian persoalan yang lebih berlapis dan berakar rumpai.

Sebarang pertanyaan sila hubungi;

Amar Muhammad Ramli  
[amarmuhammad@ucsiuniversity.edu.my](mailto:amarmuhammad@ucsiuniversity.edu.my)

Muhammad Munzir  
[munzir@ucsiuniversity.edu.my](mailto:munzir@ucsiuniversity.edu.my)

## FORUM AKADEMIK SENIBINA DAN MASYARAKAT 1

Rabu  
**28hb Feb. 2018**  
**3.00pm - 5.00pm**  
**Dewan BOS UCSI**

UCSI University North Wing Campus  
Taman Taynton, Cheras, KL

**Panelis Forum;**  
**Professor Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi**  
Faculty of Engineering, Technology and Built Environment, UCSI University  
**Profesor Madya**  
**Ar. Dr. Mastor Surat**  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
**Dr. Norhayati Hussain**  
Fakulti Alam Bina Universiti Malaya

**Moderator;**  
**Azmal Sabil**

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar  
Universiti Tun Hussein Onn

**Aturacara Majlis;**  
3.00pm-3.10pm    Ucapan Aluan Prof Dr. Mohd Tajuddin  
3.10pm-3.30pm    Ucapan Perasmian  
                            Prof. Madya Dr. Ir. Jimmy Mok  
                            Dekan Faculty of Engineering,  
                            Technology and Built Environment  
3.30pm-4.50pm    Forum Berlangsung  
4.50pm-5.00pm    Ucapan Penutup Pengacara Majlis